



Kementerian Komunikasi

# DANA MIKRO DRAMA

## DENGAN KERJASAMA

# RADIO TELEVISYEN MALAYSIA



Perbadanan Kemajuan  
Filmer Nasional Malaysia

## 1

### TUJUAN KATEGORI DANA

Kategori dana ini dibuka bagi meningkatkan penerbitan kandungan kreatif tempatan dan penontonan di Radio Televisyen Malaysia (RTM) serta menjana ekonomi industri kandungan kreatif melalui kerjasama dengan stesen penyiar kerajaan. Penerbitan ini dibuka kepada satu kategori iaitu supertelefilm (Mikro Drama) yang berkualiti tinggi untuk paparan melalui platform OTT Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM Klik)

## 2

### OBJEKTIF

Meningkatkan kandungan kreatif dan penontonan di platform penyiar tempatan

Menjana ekonomi industri kreatif tanah air untuk melalui kerjasama dengan stesen TV

Mewujudkan peluang pekerjaan dan membantu syarikat-syarikat penerbitan tempatan dan penggiat industri

Membantu stesen penyiar dengan kandungan baharu yang segar untuk tontonan umum

Memperbanyakkan pemilikan hak cipta kandungan di kalangan penerbit tempatan bagi penjanaan keuntungan di masa hadapan

## 3

### TEMA

Terbuka dan tertakluk kepada kandungan yang tidak bercanggah dengan Rukun Negara, Undang-undang yang terpakai dalam Negara, kod etika penyiaran semasa dan panduan siaran semasa RTM

## 4

### SKOP PROGRAM DANA



Menjana penghasilan mikro drama berdurasi maksimum 3 minit per episod sebanyak 30 episod



Format projek :  
Vertical Mikro Drama



Kos siling per projek berjumlah sebanyak RM200,000.00 sahaja

01

02

03

04



Menggunakan bahasa kebangsaan atau bahasa etnik di Malaysia



05



Menonjolkan nilai-nilai kenegaraan khususnya beraspirasikan perpaduan dan agenda nasional.



[www.finás.gov.my](http://www.finás.gov.my)

Ikuti kami



FINASMalaysia

X FinasMy



## TARIKH PERMOHONAN



**Tarikh Buka Permohonan:**  
**24 Mac 2025 – 24 April 2025**



## SYARAT-SYARAT DAN TERMA PERMOHONAN

### SYARAT AM PERMOHONAN

- 1** Lesen pengeluaran FINAS hendaklah masih aktif sekurang-kurangnya 3 bulan sebelum tarikh luput semasa permohonan dibuat
- 2** Lebih daripada lima puluh satu peratus (51%) pemilikan sah dan benefisial pemohon terletak hak pada warganegara Malaysia
- 3** Syarikat tidak mempunyai 'on going' projek DKK atau telah menerima surat tutup projek daripada FINAS
- 4** Syarikat mempunyai tenaga produksi yang mempunyai pengalaman dalam bidang produksi (pelakon, pengarah, penulis skrip, pengurus produksi, penerbit drama / filem pendek / iklan / dokumentari / rancangan TV, pengarah fotografi - DOP)
- 5** Syarikat membuat pecahan perbelanjaan dengan mengambilira jumlah keseluruhan projek dan peruntukan dana dari FINAS iaitu sehingga **RM 200,000.00** sahaja (tidak termasuk promosi, pengedaran & operasi syarikat)

### SYARAT KHUSUS

- 1** Pemohon adalah sebuah syarikat yang ditubuhkan di Malaysia (Sdn. Bhd) **SAHAJA**
- 2** Keutamaan rekod prestasi syarikat yang baik termasuk latar belakang pengarah, penulis skrip dan tenaga produksi berpengalaman atau pernah memenangi anugerah / pengiktirafan di peringkat festival Program TV tempatan atau antarabangsa
- 3** Syarikat mampu untuk menyiapkan projek dalam tempoh yang ditetapkan dan tidak boleh melebihi 12 bulan mulai dari tarikh perjanjian kontrak ditandatangani
- 4** Syarikat / Penerbit mempunyai kemampuan kewangan bagi memulakan penggambaran selaras dengan syarat penyaluran dana berdasarkan kaedah *milestone* DKK
- 5** Syarikat perlu mengemukakan salinan penyata kewangan sekurang-kurangnya tiga (3) bulan terkini

### SYARAT TEKNIKAL

**Output akhir Dana Mikro Drama** hendaklah mematuhi spesifikasi teknikal seperti berikut;

#### Vertical Format:

- **Nisbah Aspek** : Nisbah 9:16 adalah standard untuk video menegak, dioptimumkan untuk tontonan pada peranti mudah alih
- **Resolusi** : Resolusi yang disarankan termasuk 1080 x 1920 pixel for high quality playback pada kebanyakan peranti
- **Format Fail** : MP4 sangat disarankan kerana ia bersesuaian dengan pelbagai platform dan peranti

#### Spesifikasi Teknikal:

- **Format Video** : 1080p, H.264/H.265, 4:2:0, MP4 / HLS / DASH Audio
- **Codec** : AAC, 2 Channel, 48kHz Loudness : -23 LUFS + 1 LU, True Peak -1 dBTP Subtitles WebVTT, TTML (SRT diterima) Streaming
- **Protocols** : HLS (iOS), DASH (Android / Web)
- **QC & Workflow** : Automated QC + Manual QC sebelum muat naik CDN : AWS (boleh multi – CDN jika perlu)



## IMPLIKASI KEWANGAN

Pembentangan Dana ini **sehingga RM200,000.00 (Mikro Drama)** bagi aktiviti penerbitan Mikro Drama (supertelefilem). Peruntukan ini adalah merupakan tambahan kepada jumlah sebenar kos keseluruhan bagi menyiapkan projek berkenaan

\*Amaun kelulusan adalah tertakluk kepada pengesyoran dan kelulusan Jawatankuasa Pelulus DKK



## PELAKSANAAN PROGRAM



- Pemohon boleh memohon melalui online di website FINAS: [www.finans.gov.my](http://sppik.finans.gov.my) atau di <http://sppik.finans.my>



- Urus setia DKK akan membuat saringan tapisan permohonan



- Pemohon yang **BERJAYA melepas saringan SPPIK sahaja akan dipanggil untuk sesi pitching** kepada Jawatankuasa Penilaian Kandungan dan Teknikal DKK sebelum diangkat ke Jawatankuasa Pelulus DKK di Kementerian Komunikasi (KK) untuk kelulusan



- FINAS akan mengeluarkan Surat Tawaran dan Perjanjian kepada syarikat yang berjaya



## KRITERIA PEMILIHAN



Syarikat / Penerbit mempunyai idea penerbitan mikro drama dan jalan cerita yang unik, menarik serta bersesuaian dengan kehendak semasa



Syarikat / Penerbit menunjukkan potensi untuk berkembang dan memiliki kesungguhan serta komitmen yang jitu untuk mendapatkan dana bagi tujuan merealisasikan idea penerbitan mikro drama berkenaan



## KAEDAH PENYALURAN DANA





## CARTA ALIR PROSES PERMOHONAN

